

## BAB IV

### LAPORAN KAJIAN DAN ANALISA DATA.

Di dalam bab III telah dinyatakan contoh-contoh yang menjadi subjek kajian ilmiah ini yaitu guru-guru fardhu <sup>C</sup>ain wanita dibawah tajaan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Kelantan (JHEUIK), Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan sumbangan sukarela. Pendi-tilaan mengenai peranan mereka serta aspek-aspek yang berkaitan dengannya akan ditemui di dalam bab ini. Perbincangan dilakukan berdasar kepada pemerosesan data yang telah dikumpulkan. Po-kok perbincangan yang dirumuskan ialah:

A. PERMASALAHAN PERTAMA: Struktur organisasi guru-guru fardhu <sup>C</sup>ain wanita.

B. PERMASALAHAN KEDUA: Sistem pembelajaran di kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita.

C. PERMASALAHAN KETIGA: Permasalahan yang dihadapi oleh guru-guru fardhu <sup>C</sup>ain wanita dan para pelajar.

D. PERMASALAHAN KEEMPAT: Keberkesanan pembelajaran di kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita.

A. PERMASALAHAN PERTAMA: Struktur Organisasi Guru-Guru Fardhu <sup>C</sup>Ain Wanita.

1. Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Bertugas sebagai penggerak syiar-syiar Islam di Kelan-

tan. Badan ini terletak di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.<sup>1</sup>

Kelas-kelas KEMAS terdiri dari kelas Ekonomi Rumah-tangga, Taman Bimbingan Kanak-Kanak, Kelas Agama Islam dan sebagainya. Kelas Agama Islam pada asalnya dinamakan Kelas Belajar Jawi telah dipertanggungjawabkan untuk mengajar ilmu agama seperti ilmu fardhu ain untuk orang-orang dewasa.

Guru-guru Kelas Agama Islam dikehendaki untuk mengajar sebanyak lima kali seminggu. Pada setiap hari Khamis dan Jumaat tiada kelas diadakan. Ini adalah kerana hari Jumaat merupakan hari cuti di Kelantan, manakala pada hari Khamis pula mereka berpeluang menghadiri bengkel bagi memperdalamkan ilmu agama. Pembelajaran mereka berpandukan kitab Ihyā' ulumuddin dan Fi Zilalul Qur'ān.<sup>2</sup> Sebarang permasalahan dan persoalan yang timbul akan dikemukakan bagi mendapatkan jawapannya. Mereka juga dikehendaki menghadiri kursus setiap tahun selama seminggu bagi tujuan yang sama.

Penyelia Kawasan akan mengawasi kelas-kelas KEMAS yang

---

<sup>1</sup> Mohd. Ayub bin Abdul Rahman, op.cit.

<sup>2</sup> Temubual dengan Ustazah Siti Nor binti Ismail pada 23 Mei 1989.

melibatkan Kelas Agama Islam. Terdapat lebih kurang tiga orang Penyelia Kawasan bagi setiap kawasan parlimen. Kegiatan mereka diawasi oleh Penyelia Kanan yang mewakili setiap daerah di Jajahan Tumpat. Penyelia tersebut juga berhak menentukan tempat mengajar guru-guru Kelas Agama Islam berdasarkan laporan kemajuan dan kemunduran mereka.<sup>3</sup>

Bagi memenuhi masa lapang mereka, guru-guru Kelas Agama Islam dikehendaki mengajar Al Qur'an untuk kanak-kanak atau o dewasa. Selain itu, mereka juga dijemput untuk mengajar Muqaddam di Taman Bimbingan Kanak-Kanak anjuran KEMAS.

Kelas-kelas Agama Islam lebih tertumpu di kawasan yang masih ketandusan pengajaran agama. Tempat pengajaran pula ialah di masjid atau di madrasah.

Berdasarkan fakta-fakta yang telah diutarakan, ternyata KEMAS memainkan peranan untuk kebangkitan Islam. Ini bertenpatanlah dengan objektif penubuhannya antara lain ingin mewujudkan perpaduan di dalam masyarakat selaras dengan lunas-lunas Islam serta memastikan terlaksananya hukum-hukum Allah di dalam kehidupan mereka.<sup>4</sup>

---

<sup>3</sup> Mohd. Ayub bin <sup>c</sup> Abdul Rahman, op.cit.,

<sup>4</sup> ibid.

## 2. Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Kelantan (JHEUIK).

Ia bertindak sebagai pembantu Majlis Ugama Islam Kelantan di dalam menegakkan syi<sup>c</sup>ar Islam. Perhatian yang sewajarnya telah diberikan terhadap kelas-kelas fardhu <sup>c</sup>ain di Jajanan Tumpat. Kumpulan yang menjayakannya ialah mubaligh atau mubalighah dan guru-guru agama atau pondok.

Kegiatan mereka diawasi oleh Pengelola dan Penolong Mubaligh. Bagi setiap kawasan parlimen ditempatkan seorang penyelia dan tiga orang pelawat mubaligh. Mereka bertugas sebagai pelapor kepada pihak JHEUIK.<sup>5</sup>

JHEUIK telah menyediakan buku laporan khas bulanan yang terkandung di dalamnya tarikh pengajaran, kelas pengajaran, jumlah murid dan sebagainya. Laporan ini mesti diserahkan melalui pengesahan Pelawat dan Penyelia Mubaligh di kawasan mereka pada setiap bulan untuk tindakan lanjut pihak JHEUIK.

Setiap mubaligh atau mubalighah dibayar habuan sebanyak \$250.00 sebulan, manakala guru-guru agama atau pondok pula sebanyak \$300.00 sepeppagal. Ini berseesuaianlah dengan kelas pengajaran mubaligh atau mubalighah yang berjumlah lima kali seminggu dan guru-guru agama atau pondok pula ialah tiga kali

---

<sup>5</sup> Temubual dengan Ustaz Hassan Zaki bin Salzeah, Pengelola Mubaligh Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Kelantan pada 14 Ogos 1989.

seminggu.<sup>6</sup>

Di antara objektif JHEUIK ialah:

a. Membentuk masyarakat agar menyedari tanggungjawab mereka selaku seorang Islam, menyuruh berbuat kebaikan dan me- larang dari melakukan kemungkaran.

b. Melahirkan lebih ramai lagi bilangan penda<sup>c</sup>wah bagi menjamin wujudnya masyarakat Islam yang progresif dan mencari keredhaan Allah.

c. Membimbing dan memberi ke. ahaman yang sebenarnya ke pada masyarakat mengenai Islam dan menerimanya sebagai cara hi- dup.<sup>7</sup>

### 3. Sukarela.

Kesedaran tentang peri pentingnya <sup>c</sup>aqidah dan syari<sup>c</sup>at Islam dihayati telah melahirkan kelas-kelas agama yang diusa- hakan secara sukarela . Mereka yang berkemampuan di dalam bi- dang ini bersertakan sokongan dari masyarakat setempat telah mengelolakan kelas-kelas fardhu <sup>c</sup>ain ini. Di Jajahan Tumpat penglibatan wanita yang memikul tugas ini melebihi sepuluh o- rang.<sup>8</sup>

---

<sup>6</sup>Laporan Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Kelantan, op.cit., hal. 88.

<sup>7</sup>ibid., hal. 90

<sup>8</sup>pemerhatian penulis.

Sumbangan mereka adalah secara ikhlas dan tidak menerima sebarang ganjaran dari mana-mana pertubuhan. Meskipun begitu, mereka juga tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang dikenakan kepada guru-guru fardhu <sup>C</sup>ain secara menadah kitab yang lain.<sup>9</sup>

Menurut enakmen negeri Kelantan bilangan 2; 1966, sebelum memulakan sesi pengajaran, setiap guru-guru fardhu <sup>C</sup>ain wanita samada dari pihak KEMAS, JHEUIK atau sukarela perlu memiliki tauliah yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Kelantan.<sup>10</sup> Tauliah tersebut berfungsi sebagai pengawal yang memastikan pengajaran guru-guru fardhu <sup>C</sup>ain wanita bertepatan dengan lunas-lunas Islam.

Pemberian tauliah hanyalah kepada mereka yang layak sahaja. Mereka perlulah terlebih dahulu mempunyai surat-surat akuan mengenai taraf <sup>C</sup>ilmu yang dimiliki serta lulus di dalam temuduga yang dijalankan oleh pihak Majlis Ugama Islam Kelantan. Pemberian tauliah ini tertakluk kepada penarikan balik seandainya corak pengajaran guru-guru bercanggahan dengan apa yang tercatat di dalam tauliah.<sup>11</sup>

---

<sup>9</sup> Temubual dengan Ustazah Che Bidah bt. Haji Idris, pada 9 Mei 1989.

<sup>10</sup> \_\_\_\_\_, Penyata Tahunan Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, t.c., 1988, hal. 41.

<sup>11</sup> Temubual dengan Ustaz Osman bin Haji Ibrahim, Penolong Pegawai Ugama pada 24 Ogos 1989.

Pemberian tauliah menadah kitab kepada mereka yang layak semakin meningkat dari tahun ke tahun. Ini berdasarkan pe rangkaian yang menunjukkan seramai 40 orang guru agama telah menerima tauliah menadah kitab pada tahun 1986. Jumlah ini me ningkat kepada 132 orang pada tahun 1988 (Lihat lampiran 6).

B. PERMASALAHAN KEDUA: Sistem Pembelajaran Di Kelas-Kelas Fardhu <sup>C</sup>ain wanita.

Bagi menghuraikan corak pengajaran yang didokong oleh guru-guru fardhu <sup>C</sup>ain wanita dari pertubuhan yang berbeza, maka penulis telah membahagikannya secara berasingan seperti berikut:

1. Guru Fardhu <sup>C</sup>Ain Wanita (KEMAS).

a. Kedudukan Kelas Dan Pelajar.

ustazah yang dipilih mewakili pihak KEMAS ialah Hajjah Zainab binti Haji Osman. Dikenali sebagai guru Kelas Agama Islam. Kawasan yang dipertanggungjawabkannya mengajar ialah di sekitar daerah Wakaf Bharu. (Sila rujuk lempiran 7).

Kelas fardhu <sup>C</sup>ain untuk orang-orang dewasa ini berlangsung pada sebelah petang di antara jam 3.00 petang hingga menjelang waktu asar. Aktiviti pengajian di jalankan setiap hari kecuali pada hari khamis dan juma<sup>C</sup>at.<sup>12</sup>

Para pendengar dan penadah kitab yang mengikuti kelas-kelas beliau terdiri masyarakat setempat. Jumlah mereka ialah di antara 20 hingga 40 orang. Kebanyakannya terdiri dari

---

<sup>12</sup>Mohd. Ayub bin <sup>C</sup>Abdul Rahman, op.cit.



wanita yang melebihi usia 25 tahun.<sup>13</sup> Kehadiran ke kelas-kelas ferdhu<sup>C</sup>ain juga bergantung kepada situasi semasa yang tidak menghalang mereka berbuat begitu.

b. Skop Pengajaran.

Mata pelajaran yang diajar ialah tauhid, fekan, tajwid dan pembacaan Al Qur'<sup>ān</sup>. Kitab (buku) yang digunakan untuk mengajar ialah Faridah, Maniyyatul Muṣollī, Muhimmah Fi<sup>C</sup> Ilmī Ha<sup>dis</sup>, Tambihul Ghafilīn dan Muqaddimah Al Mubtada'.

Pemilihan kitab yang digunakan biasanya terserah kepada pertimbangan tenaga pengajar dan tidak bertentangan dengan apa yang tercatat di dalam tauliah mengajar kitab. Ia juga mengam<sup>bil</sup>kira kemampuan pelajar untuk mengikuti pengajaran yang di-<sup>beri</sup>.<sup>14</sup>

c. Teknik Pembelajaran.

Corak pengajaran adalah lanjutan dari sistem pengajaran silam. Lebih dikenali dengan panggilan 'menadah kitab'. Cara<sup>nya</sup> ialah guru-guru mengajar berdasarkan pembacaan ayat demi ayat dari sebuah kitab sambil menerangkannya kepada para pelaj<sup>ar</sup> yang terdiri dari pendengar dan penadah kitab.<sup>15</sup>

---

<sup>13</sup>Pemerhatian penulis, op.cit.

<sup>14</sup>Temubual dengan Ustazah Zainab bt. Haji Osman pada 19 Mei 1989.

<sup>15</sup>Mempelajari agama dengan menggunakan kitab (buku).

Guru Kelas Agama Islam tidaklah sepenuhnya menumpukan kepada kitab sahaja semasa mengajar. Teknik bercerita dan perbincangan diselitkan bersama di samping memberikan peluang kepada pelajar-pelajar mereka untuk bertanya senadainya terdapat sebarang keraguan dan permasalahan.

Murid-murid dihidangkan dengan gambaran syurga dan neraka yang dihubungkan dengan kehidupan di dunia. Perbincangan juga diselitkan sambil mendaulkan kebenaran. Ini dilakukan secara waspada agar tiada hati-hati yang tersinggung dan menjauhkan mereka dari berkunjung ke kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita.

Kelas-kelas fekah dan tauhid yang dikendalikan oleh beliau (Ustazah Zainab) lebih mendapat perhatian kaum wanita berbanding dengan kelas tajwid. Situasi ini mungkin berpunca dari peranan fekah dan tauhid lebih terserlah untuk memandu hidup. Bertepatanlah dengan matlamat KEMAS iaitu ingin membentuk kesempurnaan moral seseorang yang berkaitan dengan kehidupan abadi kelak. Sebagai menghargai jasa beliau, pihak KEMAS telah menyumbangkan sebanyak \$395.00 sebulan.<sup>16</sup>

## 2. Guru Fardhu <sup>C</sup>Ain Wanita (JHEUIK).

### a. Kedudukan Kelas Dan Pelajar

Objek kajian penulis ialah ustazah <sup>C</sup>Aishah bt. A'bas.

---

<sup>16</sup>ustazah Zainab bt. Haji Osman, op.cit.

Beliau bertugas sebagai guru fardhu <sup>C</sup>ain wanita yang lebih di kenali sebagai mubalighah, bagi daerah Sungai Pinang, Kebakat dan Tumpat. (Lihat lampiran 8). Kelas pengajaran beliau berlangsung pada sebelah petang iaitu dari jam 3.00 petang hingga menjelang waktu asar. Sebagai mubalighah bagi JHEUIK, beliau dipertanggungjawabkan mengajar sebanyak lima kali di dalam seminggu.

Jumlah pelajar beliau yang terdiri dari pendengar dan penadah kitab ialah di antara 30 hingga 45 orang. Di waktu-waktu bilangannya semakin berkurang dan bertambah mengikut masa dan suasana. Seringkali kelas-kelas beliau dipenuhi oleh kaum wanita dewasa dan tua yang terdiri dari masyarakat desa.<sup>17</sup>

b. Skop Pengajaran.

Matapelajaran yang diajarkan oleh mubalighah ini hampir bersamaan dengan matapelajaran yang diajarkan oleh guru-guru Kelas Agama Islam. Perbezaan yang wujud hanyalah dari segi penggunaan kitabnya sahaja.

Di antara pelajaran yang diajarkan oleh beliau ialah fekah, tauhid dan tajwid. Beliau menggunakan kitab Muqaddimah Al Mubtadā', Ma<sup>C</sup>rifah Imān Dan Islām, Maniyyatul Musollī, Mu-

---

<sup>17</sup>Pemerhatian penulis, op.cit.

himmah Fi <sup>C</sup>ilmi Hadīs, Risalah Tauhīd dan sebagainya. Tafsir Al Qur'ān tidak termasuk di dalam sukatan pelajarannya.

### c. Teknik Pembelajaran.

Corak pembelajaran secara menadah kitab agak mendapat tempat di hati pelajar yang mana tidak semua mereka berupaya membaca dan menulis.<sup>18</sup> Di samping penjelasan oleh mubaligh, para pelajar diberi peluang untuk mengemukakan persoalan seandainya terdapat kemusykilan mengenai pelajaran yang dipelajari. Mereka juga berpeluang mengemukakan pendapat.<sup>19</sup>

Isi-isi pengajaran disesuaikan juga dengan suasana semasa. Sebagai contohnya, di hari-hari tertentu beliau menjelaskan peristiwa Isra' dan Mi<sup>C</sup>rāj, hijrah Rasulullah s.a.w. ke Madinah, ke lebihan malam Nisfu Sya<sup>C</sup>bān dan sebagainya.

## 3. Guru Fardhu <sup>C</sup>Ain (Sukarela)

### a. Kedudukan Kelas Dan Pelajar.

Ustazah yang berkhidmat di bawah bendera sukarela ialah Hajjah Zainab binti Haji Hassan. Beliau membuka kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain secara menadah kitab di Daerah Wakaf Bharu, Tanah Merah dan Kota Bharu. (Sila lihat lampiran 9). Kelas be-

---

<sup>18</sup> Temubual dengan Ustaz Haji Ahmad Zain bin Abu Bakar, Penyelia Mubaligh Tumpat pada 20 Ogos 1989.

<sup>19</sup> Temubual dengan ustazah <sup>C</sup>Aishah A'bas pada 1 Oktober 1989.

liau berlangsung pada sebelah pagi di antara jam 9.00 hingga 11.00 pagi. Terdapat juga kelas-kelas beliau pada sebelah petang di antara jam 3.00 petang hingga tibanya waktu asar. Selain dari itu, kelas beliau juga ditemui pada hari juma<sup>c</sup>at yang mana ini memberi peluang kepada pelajar-pelajar sekolah dan pekerja-pekerja pejabat untuk mengikutinya. Ini adalah kerana hari tersebut merupakan hari cuti di Negeri Kelantan.

Jumlah purata pelajar yang mengikuti kelas-kelas beliau ialah hampir mencapai 100 orang. Para pelajar pula terdiri dari mereka yang telah berkeluarga dan tidak terhad kepada masyarakat setempat sahaja.<sup>20</sup>

#### b. Skop Pengajaran.

Matapelajaran yang diajarkan beliau ialah tafsir Al Qur'<sup>ān</sup>, hadis dan fekah. Pemilihan kitab-kitab terserah kepada pertimbangan ustazah Zainab sendiri, tanpa mengeneipkan tahap pemikiran murid-murid beliau dan berdasarkan syarat-syarat yang tertakluk di dalam tauliah.<sup>21</sup>

Di antara kitab-kitab yang digunakan oleh beliau ialah Tafsir Al Qur'<sup>ān</sup> Pimpinan Al Rahman, Riadhu Al Ṣolihin, Hadis

---

<sup>20</sup> Temubual dengan Ustazah Hajjah Zainab bt. Haji Hassan pada 9 Jun 1989.

<sup>21</sup> ibid.

Arba<sup>c</sup>in, Tafsir Juz<sup>c</sup> Amma, Maniyyatul Musolli dan sebagainya. Pemilihan kitab-kitab ini berdasarkan kandungannya yang lengkap dan tidak terlalu sukar untuk difahami.

c. Teknik Pembelajaran.

Bentuk pembelajaran yang dipilihnya ialah secara menadiah kitab, warisan silam yang dicontohi dari ulama' terdahulu. Kaedah yang sebegini rupa memerlukan guru memainkan peranan melebihi penadah kitab dan pendengar.

Di dalam mempelajari tafsir Al Qur'an contohnya, terlebih dahulu beliau akan membaca ayat-ayat tersebut yang bakal diajarkan manakala para pelajar mengikuti pembacaannya. Seterusnya, penafsiran ayat-ayat tadi akan dilakukan. Penghuraiannya sering dilibatsamakan persoalan semasa dan perbandingan antara kehidupan di dunia dengan akhirat. Para pelajar juga berpeluang mengemukakan pertanyaan terhadap apa yang mereka kurang fahami. Teknik begini menjadikan isi pengajarannya tidak terikat dengan kitab sahaja.


Tidak dinafikan kemampuan mengajak dan memikat hati pelajar untuk mendengar dan seterusnya menghayati apa yang diterima, merupakan kelebihan tertentu yang dimiliki oleh tenaga pengajar. Bagi ustazah Zainab, selain dari memiliki ilmu yang lengkap, beliau juga berupaya mengolah sesuatu fakta agar menarik pada pendengaran dan berkesan di hati. Penggunaan alat,

pembesar suara juga membolehkan para pelajar mendengar dengan jelas.<sup>22</sup>

**Mereka** yang berkhidmat di bawah bendera sukarela tidak mendapat sebarang elaun dari mana-mana pertubuhan. Pengajaran fardhu<sup>C</sup> ain dihulurkan secara ikhlas kepada setiap anggota masyarakat yang memerlukan. Matlamat mereka hanyalah untuk memperolehi keredhaan Allah.

---

<sup>22</sup>Pemerhatian penulis, op.cit.



C. PERMASALAHAN KETIGA: Permasalahan Yang Dihadapi Oleh Guru-Guru Fardhu <sup>C</sup>Ain Wanita Dan Para Pelajar.

Di bawah tajuk ini, penulis ingin mengetengahkan beberapa bentuk permasalahan yang dihadapi oleh guru-guru fardhu <sup>C</sup>ain wanita dan para pelajar mereka. Ianya diperolehi hasil dari interview dan pertanyaan melalui borang soal selidik yang telah diedarkan.

Melalui pemaparan ini bukanlah niat penulis ingin memperkecil-kecilkan usaha pihak tertentu bagi meninggikan <sup>C</sup>ilmu Allah. Sebaliknya dengan mendedahkan unsur-unsur yang kurang disenangi ini diharapkan kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita berupaya mengorak langkah baru bagi menjamin kejayaan seterusnya.

Di antara bentuk permasalahan yang dihadapi oleh guru-guru fardhu <sup>C</sup>ain wanita ialah;

1. Terdapatnya suasana persekitaran yang tidak sependapat dengan bentuk pengajaran agama yang diberi. Kedapatan juga segelintir insan yang melahirkan tentangan dan rintangan terhadap usaha murni ini lantaran tidak menginginkan Islam tercetak di dalam masyarakat. Hal ini amatlah dikesali lantaran ianya menjadi penghalang bagi kebangkitan Islam.



2. Kekurangan tenaga pengajar wanita yang sanggup bergiat cergas di dalam menjayakan bidang ini. Seringkali persoalan keluarga dan rumahtangga menjadikan mereka mempunyai keterbatasan waktu. Di samping itu terdapat juga wanita Islam yang berpendidikan agama menyatakan ketidakupayaan mereka untuk memikul tugas ini. Situasi begini akan membantut kelancaran perjalanan da'wah Islamiah dan ilmu-ilmu Islam terhadap masyarakat yang inginkan santapan rohani.

3. Kedinginan sambutan dari kalangan remaja khususnya, terhadap kelas-kelas begini. Seharusnya merekalah yang membantiji masjid dan madrasah bagi menambah bekal hidup di hari muka. Pengunjung tetap kelas-kelas ini biasanya terdiri dari kalangan wanita dewasa dan yang separuh abad.

Bentuk permasalahan yang dihadapi oleh para pelajar samada pendengar atau penadah kitab ialah:

1. Penempatan guru-guru fardhu <sup>C</sup>ain wanita berjauhan dari pelajar. Ini menimbulkan kesulitan kepada masyarakat pelajar yang memerlukan bantuan guru-guru sebagai sumber rujukan. Hal ini berlaku lantaran kekurangan tenaga pengajar wanita tersebar ke setiap pelusuk kampung.

2. Para pelajar kurang didedahkan dengan hakikat sebenar bentuk sesuatu <sup>C</sup>ibadat. Kerapkali teknik pengajaran menghendaki guru-guru memberikan penjelasan manakala para pelajar

menerimanya mengikut kefahaman masing-masing. Keadaan ini memungkinkan terjadinya penyelewengan ke fahaman seandainya tidak di sertai dengan bantuan pengajaran secara praktikal.

3. Bentuk pengajaran di kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita secara keseluruhannya lebih condong ke arah sehalu sahaja iaitu memperuntukkan masa yang lebih untuk guru-guru memberikan penga rannya. Meskipun pendengar dan penadah kitab berpeluang untuk bertanya ketidakfahaman mereka, namun keterbatasan waktu meng halang mereka untuk berbuat begitu. Ini membuatkan pengetahuan pelajar-pelajar terbatas.

4. Kebanyakan guru-guru fardhu <sup>C</sup>ain wanita kurang menim bulkan pertanyaan untuk menguji kefahaman pelajar-pelajar mere ka. Ini menjadikan guru-guru tidak dapat mengenalpasti penca paian mereka. Tegasnya tiada wujud penyertaan aktif dari pe lajar.

5. Tiadanya pembaharuan di dalam corak pembelajaran yang masih mengekalkan bentuk warisan silam, iaitu guru memba ca berdasarkan kitab manakala murid-murid mereka memerhatikan a pa yang dibaca berasaskan kitab yang ada pada mereka atau men dengar sahaja. Metodé begini kurang mempunyai daya tarikan dan memungkinkan terjadinya kejemuhan bagi para belia yang telah ter biasa dengan penggunaan alat-alat semasa belajar seperti papan

menerimanya mengikut kefahaman masing-masing. Keadaan ini memungkin terjadinya penyelewengan kefahaman seandainya tidak di sertai dengan bantuan pengajaran secara praktikal.

3. Bentuk pengajaran di kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita secara keseluruhannya lebih condong ke arah sehalu sahaja iaitu memperuntukkan masa yang lebih untuk guru-guru memberikan penga rannya. Meskipun pendengar dan penadah kitab berpeluang untuk bertanya ketidakfahaman mereka, namun keterbatasan waktu meng halang mereka untuk berbuat begitu. Ini membuatkan pengetahuan pelajar-pelajar terbatas.

4. Kebanyakan guru-guru fardhu <sup>C</sup>ain wanita kurang menim bulkan pertanyaan untuk menguji kefahaman pelajar-pelajar mere ka. Ini menjadikan guru-guru tidak dapat mengenalpasti penca paian mereka. Tegasnya tiada wujud penyertaan aktif dari pe lajar.

5. Tiadanya pembaharuan di dalam corak pembelajaran yang masih mengekalkan bentuk warisan silam, iaitu guru memba ca berdasarkan kitab manakala murid-murid mereka memerhatikan a pa yang dibaca berasaskan kitab yang ada pada mereka atau men dengar sahaja. Metoa begini kurang mempunyai daya tarikan dan memungkinkan terjadinya kejemuhan bagi para belia yang telah ter biasa dengan penggunaan alat-alat semasa belajar seperti papan

hitam, slide, gambar-gambar dan sebagainya.

6. Terdapat juga kelas-kelas pengajaran yang dijalankan tanpa penggunaan alat pembesar suara. Memandangkan jumlah pelajar yang ramai bagi sesetengah kelas, maka menimbulkan ketidakjelasan terhadap apa yang disampaikan.

7. Terdapat di kalangan guru-guru fardhu <sup>C</sup>ain wanita yang kurang cekap mengaitkan apa yang diajarkan dengan persoalan semasa. Isi pengajaran lebih berkisar tentang persoalan keakhiratan, membuatkan para pelajar merasakan kelas tersebut seakan medan persediaan untuk kepentingan di akhirat sahaja.

8. Sesetengah pelajar kurang memahami apa yang diajarkan berikutan dari pengajaran guru yang agak terkehadapan. Mereka seterusnya tidak mampu untuk menghayati apa yang dipelajari.

9. Jarak yang berjauhan di antara rumah dan kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain juga menimbulkan permasalahan kepada mereka untuk ke sana lantaran tiada kemudahan berbuat demikian.

D. PERMASALAHAN KEEMPAT: Keberkesanan Pembelajaran Di Kelas-kelas Fardhu <sup>C</sup>Ain Wanita.

Di dalam bahagian ini penulis akan membentangkan hasil penganalisaan borang soal selidik yang telah diedarkan bagi menilai sejauhmanakah keberkesanan pembelajaran di kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita. Sebanyak 15 set borang telah penulis hurlurkan kepada kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita KEMAS, 15 set borang juga kepada kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita JHEUIK dan 20 borang untuk kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita sukarela. Meskipun setiap guru menyampaikan <sup>C</sup>ilmu yang hampir sama namun tentulah terdapat perbezaannya berdasarkan pendekatan yang telah dibuat.

Jadual: Minat terhadap kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita.

Minat	Bil. responden	Pratus
Sangat berminat	27	54%
Sederhana minat	22	44%
Kurang minat	1	2%
Jumlah	50	100%

Berdasarkan jadual 1, sebanyak 54% melahirkan rasa sangat berminat terhadap pengajaran di kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita. Kebanyakan mereka terdiri dari golongan tua dan dewasa. Hal ini adalah sesuatu yang dialu-alukan kerana merekalah yang memberikan sokongan moral ke arah menjayakan kelas-kelas begini. Di samping itu <sup>C</sup>ilmu yang tercurah kepada mereka tentunya

dapat disebarakan kepada orang lain yang tidak berpeluang mengikutinya.

Mereka yang menunjukkan minat yang sederhana pula ialah seramai 44%. Tahap yang sedemikian adalah berpunca dari permasalahan yang timbul dan membantut pemergian mereka ke kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita. Meskipun begitu, ianya merupakan perkembangan yang sihat kerana minat yang tumbuh itu akan mendorong mereka berbuat demikian seandainya waktu mengizinkan.

Terdapat juga dari kalangan mereka yang tidak berminat langsung terhadap pengajian di kelas-kelas begini iaitu seramai 2%. Meskipun hal ini agak mendukacitakan namun jumlah yang tidak ramai memungkinkan permasalahan ini diatasi seandainya terdapat pembedaan terhadap aspek-aspek yang kurang disenangi.

Minat yang tumbuh terhadap kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita adalah berpunca dari pelbagai sudut. Ianya dapat diperhatikan berdasarkan jadual 2 di sebelah.

Sebilangan besar dari responden iaitu seramai 68% menyatakan bahawa minat mereka terhadap kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita berpunca dari kesedaran diri sendiri. Ianya tumbuh lantaran pendidikan berbentuk Islam yang diterima melalui kuliah-kuliah agama dan media massa. Begitu juga dengan melihatkan suasana masa kini yang memerlukan keteguhan pegangan bagi membentuk kejayaan hidup di dunia dan akhirat.

Jadual 2: Pendorong ke kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita.

Pendorong	Bil. responden	Pratus.
Diri sendiri	34	68%
Keluarga	14	28%
Masyarakat	2	4%
Jumlah	50	100%

Mereka yang mendapat dorongan dari keluarga pula ialah seramai 28%. Hasil dari kajian yang penulis jalankan, kebanyakannya terdiri dari kalangan belia. (Imam Nawawi berpendapat belia ialah mereka yang tidak sampai umurnya 30 tahun).<sup>23</sup> Hasrat untuk mempelajari <sup>C</sup>ilmu-<sup>C</sup>ilmu Islam belum bertapak kukuh di hati mereka. Lantaran itu mereka memerlukan didikan bagi menyelami kepentingannya.

Terdapat juga mereka yang mengunjungi kelas-kelas tersebut lantaran terpengaruh dengan suasana masyarakat. Keadaan ini tidaklah boleh dianggap sesuatu yang serong memandangkan lama kelamaan sikap sedemikian mungkin berupaya melenturkan hatinya untuk meminati kelas-kelas agama.

Seterusnya berdasarkan borang soal selidik yang dianalisa, penulis akan memaparkan pula kedudukan sesuatu mata pelaja

---

<sup>23</sup>Siti Asmah Kasmu, Gerakan Da<sup>C</sup>wah ABIM: Pendekatannya Kepada Golongan Belia Di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur: Akademi Islam Universiti Malaya, cet.1, 1989, hal. 11.

ran di sisi responden.

Jadual 3: Mata pelajaran yang diminati.

Mata pelajaran	Bil.Res	Pratus.
Fekah	25	50%
Tafsir Al Qur'an dan Al Hadis	21	42%
Tauhid	19	38%
Tajwid	12	24%

Merujuk kepada data di atas, penulis mendapati responden lebih meminati mata pelajaran fekah iaitu sebanyak 50%. Ini terjadi disebabkan peranannya lebih terserlah di dalam kehidupan seharian yang melibatkan hukum-hukum berjual beli, perkahwinan, jenayah dan ibadah. Di samping itu para responden juga mendapati tidak terlalu sukar untuk memahaminya. Mereka juga menyedari kewajipan mempelajarinya demi mengawal dari tergelincir ke arah kemurkaan Allah.

Responden juga menaruh minat yang menggalakkan di dalam mata pelajaran tafsir Al Qur'an dan Al Hadis. Jumlahnya ialah 42%. Pemahaman terhadap kandungannya berupaya mendekatkan lagi hati mereka kepada Allah. Bertepatanlah dengan taraf Al Qur'an dan Al Hadis itu sendiri yang menjadi asas pegangan umat Islam.



Pelajaran tauhid diwakili oleh 38%. Penumpuan juga diberikan terhadapnya kerana menurut responden, bertolak dari me-  
negenal Tuhan dan ciri-ciri yang berkaitan dengannya akan memu-  
dahkan lagi kefahaman terhadap Islam. Seterusnya akan memper-  
tingkatkan lagi taraf <sup>c</sup>ibadat seseorang lantaran peningkatan i-  
man.

Kelas tajwid pula kurang mendapat sambutan yang membe-  
rangsangkan berbanding dengan mata pelajaran lain. Ini mungkin  
disebabkan mereka telah sedia ma<sup>c</sup>lum tentang hukum bacaan Al  
Qur'an dan berupaya membacanya sendiri. Namun begitu, terda-  
pat seramai 24% yang sudi mempelajarinya dengan bermatlamatkan  
ingin menyempurnakan lagi bacaan di dalam sembahyang.

Terdapat juga para responden yang meminati semua mata pe-  
lajaran tersebut kerana menyedari ia mempunyai pertalian di an-  
tara satu sama lain dan umat Islam berkewajipan mempelajarinya.  
Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w:

طلب العلم فريضة على كل مسلم

Ertinya: "Menuntut <sup>c</sup>ilmu itu menjadi kewajipan ke atas  
setiap orang Islam (lelaki dan wanita)".<sup>24</sup>

Sebarang bentuk kemusykilan yang timbul dari para res-  
ponden, akan segera dirujuk kepada guru tersebut. Bagi me-

---

<sup>24</sup>Abi <sup>c</sup>Abdullah Muhammad bin Yazid al Qazwaini, Sunan Ib-  
nu Majah, Beirut: Darul Ihya' Atturath Al <sup>c</sup>Arabi, juz.1, 1975,  
hal. 81.

... yang tidak berkesempatan berbuat demikian, pertanyaan akan diajukan kepada orang <sup>C</sup> alim yang lain atau merujuk kepada buku buku agama.

Ditinjau dari aspek kehadiran pula, seramai 46% dari responden menjelaskan bahawa mereka mengikuti semua kelas-kelas fardhu <sup>C</sup> ain wanita tanpa mengira samada ianya terletak di bawah lambang yang berbeza. Kenyataan ini dibuktikan oleh jadual 4 di bawah. Pun begitu, terkadang mereka terpaksa menarik diri darinya lantaran sebab-sebab tertentu. Golongan ini diwakili oleh mereka yang berusia 41 tahun ke atas.

Jadual 4: Kehadiran di kelas-kelas fardhu <sup>C</sup> ain wanita.

Kehadiran	Bil. Responden	Pratus
Tetap	23	46%
Tidak tetap	27	54%
Jumlah	50	100%

Berpendukan jadual di atas, 54% pula menyuarakan bahawa mereka tidak mengikuti secara tetap kelas-kelas fardhu <sup>C</sup> ain wa nita. Bagi para belia khususnya, kegagalan untuk menghadirkan diri ke kelas tersebut ternyata berpunca dari tiada keinginan yang kukuh untuk mendalami bidang agama.

Kepenatan menghadapi pelajaran di sekolah pada sesi pa- gi juga turut membantut keinginan mereka untuk menghadiri kelas

ka yang tidak berkesempatan berbuat demikian, pertanyaan akan diajukan kepada orang <sup>C</sup>alim yang lain atau merujuk kepada buku buku agama.

Ditinjau dari aspek kehadiran pula, seramai 46% dari responden menjelaskan bahawa mereka mengikuti semua kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita tanpa mengira samada ianya terletak di bawah lambang yang berbeza. Kenyataan ini dibuktikan oleh jadual 4 di bawah. Pun begitu, terkadang mereka terpaksa menarik diri darinya lantaran sebab-sebab tertentu. Golongan ini diwakili oleh mereka yang berusia 41 tahun ke atas.

Jadual 4: Kehadiran di kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita.

Kehadiran	Bil. Responden	Pratus
Tetap	23	46%
Tidak tetap	27	54%
Jumlah	50	100%

Berpendukan jadual di atas, 54% pula menyuarakan bahawa mereka tidak mengikuti secara tetap kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain wa nita. Bagi para belia khususnya, kegagalan untuk menghadirkan diri ke kelas tersebut ternyata berpunca dari tiada keinginan yang kukuh untuk mendalami bidang agama.

Kepenatan menghadapi pelajaran di sekolah pada sesi pa gi juga turut membantut keinginan mereka untuk menghadiri kelas

kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita. Perkadang masa tidak mengizinkan lan-  
taran wujudnya pertembungan dengan aktiviti persekolahan atau  
lainnya. Kedapatan juga mereka yang mengikuti pembelajaran di  
kelas-kelas ini berdasarkan citarasa mereka bersesuaian dengan  
corak pengajaran guru-guru tersebut.

Para responden dari kumpulan dewasa yang penulis temui  
meletakkan faktor kesibukan menguruskan rumahtangga telah meng-  
halang mereka meneruskan niat suci itu. Pemergian ke kelas-ke-  
las itu juga lebih tertumpu kepada kawasan yang berhampiran de-  
ngan perkampungan mereka sahaja. Ini adalah kerana tiada kemu-  
dahan untuk ke tempat-tempat yang lebih jauh. Bagi pekerja-pe-  
kerja pejabat pula, peluang untuk mengikutinya terbuka pada ha-  
cuti sahaja.

walaupun golongan tua merupakan majoriti pengunjunnya,  
sesekali mereka juga menguzurkan diri lantaran masalah kesiha-  
tan. Kunjungan mereka juga tertakluk kepada kemudahan pengang-  
kutan untuk ke sana.

Dari pemerhatian penulis, kehadiran orang ramai ke kelas  
kelas sukarela melebihi pencapaian kehadiran ke kelas-kelas  
fardhu <sup>C</sup>ain wanita KEMAS dan JHEUIK. Perkara ini terjadi ber-  
dasarkan pendekatan yang digunakan oleh sesuatu kelas. Teknik  
pengajaran bagi sesuatu mata pelajaran juga mempengaruhi kehadi-  
ran orang ramai di samping faktor-faktor yang telah disebutkan.

Jadual 5: Berpuas hati atau tidak terhadap kelas.

	Bil.Responden (kelas JHEUIK)	Bil.Responden (kelas KEMAS)	Bil.Responden (cls. s/rela)
Berpuas hati	10 (67%)	12 (80%)	17 (85%)
Tidak berpuas hati	5 (33%)	3 (20%)	3 (15%)
Jumlah	15 (100%)	15 (100%)	20 (100%)

Berbandukan jadual di atas, ternyata ianya merupakan suatu situasi yang memuaskan. Ini adalah kerana kelas-kelas yang memenuhi kehendak dan keinginan pendengar akan mendatangkan kesan positif buat Islam dan penganutnya. Kadar yang ditunjukkan oleh kelas KEMAS (80%), kelas JHEUIK (67%) dan kelas sukarela (85%) itu perlulah dikekalkan atau dipertingkatkan lagi bagi menjamin kejayaan seterusnya.

Namun begitu, memandangkan setiap insan mempunyai selera yang berbeza serta tahap pemikiran yang berlainan, maka lahirlah perasaan tidak berpuas hati terhadap bentuk pembelajaran yang diterima. Keadaan ini tidaklah terlalu parah kerana jumlahnya adalah kecil iaitu 20% (kelas KEMAS), 33% (kelas JHEUIK) dan 15% (kelas sukarela). Berdasarkan pratusan tersebut, pembedulan yang sewajarnya perlulah dijalankan segera untuk mencapai objektif yang diharapkan iaitu penambahan ilmu dan kesedaran. Bentuk ketidakpuasan hati itu penulis utarakan di bawah tajuk; permasalahan yang dihadapi oleh pelajar.

Setelah analisa dibuat, ternyata kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain

wanita telah berjaya membawa perubahan kepada responden untuk menghayati Islam. Kenyataan ini ditunjukkan oleh jadual 6.

Jadual 6: Penghayatan.

Penghayatan	Bil.Res. (K.KEMAS)	Bil.Res. (K.JHEUIK)	Bil.Res. (K.S/rela)
Semakin ber tambah	13 (87%)	12 (80%)	19 ((95%)
Semakin ber kurang	0	0	0
Seperti bia sa.	2 (13%)	3 (20%)	1 (5%)
Jumlah	15 (100%)	15 (100%)	20 (100%)

Seramai 87% (kelas KEMAS), 80% (kelas JHEUIK) dan 95% (kelas sukarela) telah merasakan perubahan dan kemajuan mereka di dalam menghayati Islam. Ini terbukti dari sudut personaliti mereka yang lebih menggemari berpakaian menutup aurat dan mengerjakan perkara-perkara yang diredhai Allah. Kunjungan ke tempat-tempat keagamaan juga semakin bertambah.

Di samping itu terdapat seramai 13% (kelas KEMAS), 20% (kelas JHEUIK) dan 5% (kelas sukarela) yang tidak mengalami perubahan yang begitu ketara meskipun mengikuti pembelajaran di situ. Pada pandangan penulis, perkara ini mungkin berpunca dari pengaruh semasa dan ketidakpuasan hati mereka terhadap teknik pembelajaran di kelas-kelas tersebut. Aspek negatif ini haruslah segera dihindari memandangkan kesudian mereka mengunjungi ke

ias-kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita meskipun kesannya tidak begitu terserlah. Perhatian terhadap pencapaian para pelajar juga menjamin mutu dan keberkesanan pembelajaran agama di kelas-kelas tersebut.

Diteliti dari sudut mengapa para pelajar di bawah bimbingan guru fardhu <sup>C</sup>ain sukarela lebih tinggi pratus penghayatannya berbanding dengan yang lain adalah berpunca dari ciri-ciri yang dimiliki oleh guru tersebut, juga mata pelajaran yang diajarkannya.

Ternyata beliau berkemampuan untuk menyampaikan <sup>C</sup>ilmu-<sup>C</sup>ilmu agama di dalam bentuk yang menarik dan berkesan di hati. Menurut beberapa orang responden yang ditemui, penjelasan yang mudah difahami berserta gaya dan suara yang bersemangat menambahkan lagi keyakinan mereka terhadap apa yang disampaikan.

Sukatan pelajaran beliau lebih tertumpu kepada menafsirkan ayat-ayat Al Qur'an dan hadis yang menyentuh sama perbincangan mengenai fekah serta <sup>C</sup>aqidah. Ustazah tersebut juga kerap mengaitkan isi-isi pengajarannya dengan pergolakan semasa di samping penggunaan teknik perbandingan di antara dunia dan akhirat. Ini menjadikan kelasnya lebih berjaya.

Bagi kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita KEMAS dan JHEUIK pula, masing-masing mempunyai pratus penghayatan yang hampir sama iaitu 87% dan 80%. Angka begini adalah memuaskan dan menda-

tangkan pulangan modal terhadap usaha-usaha yang dijalankan. Namun begitu, usaha perlulah dipertingkatkan bagi mencapai kedudukan yang setanding dengan kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita sukarela. Seterusnya untuk mencapai tujuan akhir pendidikan Islam iaitu terbentuknya keperibadian muslim dari tahap perseorangan sampai ke tahap ummah.<sup>25</sup>

Menurut responden, kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita KEMAS lebih memokuskan penjelasan dan perbincangan terhadap apa yang termaktub di dalam kitab. Ini bertepatanlah dengan sukatan pelajaran mereka; tidak menyentuh tafsir Al Qur'an dan hadis yang memerlukan huraian secara citil. Penggunaan metod yang mengaitkan persoalan semasa dengan pelajaran yang diajar juga ditemui namun ianya tidaklah serancak sebagaimana di kelas anjuran sukarela.

Gambaran yang hampir sama didapati pada kelas milik JHE-UIK. Ketidakhahaman terhadap sesuatu yang diajar juga membawa kepada kurangnya penghayatan pelajar. Oleh itu, guru-guru perlulah sensitif kepada pencapaian murid-murid mereka bagi memperoleh kesan yang memberangsangkan perkembangan Islam yang suci dan murni melalui pertambahan<sup>C</sup> ilmu dan kesedaran. Sesungguhnya Islam sangat prihatin terhadap pembinaan individu seba-

---

<sup>25</sup> Mohd. Kamal bin Hassan, Pendidikan Dan Pembangunan (Satu Perspektif Bersepadu), Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, cet. 1, 1988, hal. 50.



gai inti yang baik bagi kelompok keluarga dan masyarakat.<sup>26</sup>

Suara guru juga merupakan alat penghubung yang penting. Suara yang lantang dan jelas dapat memberikan arahan dan menyampaikan sesuatu dengan baik serta berkesan. Sebaliknya suara yang lemah, bersahaja dan mempunyai satu nada sahaja boleh mengurangkan perhatian murid terhadap penyampaian guru.

Penulis mengira, kehadiran yang tidak tetap juga merupakan faktor kekurangan penghayatan oleh para pelajar. Ini adalah kerana hati-hati manusia sering terlupa dan memerlukan peringatn sentiasa.

---

<sup>26</sup>prof. Dr. Hassan Langgulung, Asas-Asas Pendidikan Islam, Jakarta: Pustaka Al Husna, cet. ke 2, 1988, hal. 291.